



ISU DAN PENJELASAN HUKUM

FELO FATWA

DALAM



FATWA MALAYSIA



جائزہ کے جواہر اسلام مالیشیا

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim)

Bahagian Pengurusan Fatwa

Aras 5, Blok D7, Kompleks D, Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan, 62519, W.P. PUTRAJAYA, MALAYSIA



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YATASAN
KEPIMPINAN
PERDANA



KANDUNGAN

| BIL | TAJUK | HALAMAN |
|------------|---|----------------|
| 1 | ISU DAN PENJELASAN HUKUM BULAN OKTOBER 2013 | 2-17 |
| 2 | ISU DAN PENJELASAN HUKUM BULAN NOVEMBER 2013 | 18-41 |
| 3 | ISU DAN PENJELASAN HUKUM BULAN DISEMBER 2013 | 42-50 |
| 4 | ISU DAN PENJELASAN HUKUM BULAN JANUARI 2014 | 51-59 |



PUSTAKA PERDANA



1012258

OKTOBER 2013



ISU: Hukum Pembedahan Blepharoplasty Pada Kelopak Mata

PENJELASAN: Pembedahan blepharoplasty adalah pembedahan terhadap kelopak mata sama ada kelopak mata atas (upper eyelid) atau kelopak mata bawah (lower eyelid) bagi membuang lemak, tisu, dan kulit yang berlebihan di sekitar kelopak mata. Pembedahan blepharoplasty dilakukan sama ada untuk tujuan kosmetik bagi mengubah penampilan muka supaya kelihatan lebih muda dan cantik, atau dilakukan sebagai prosedur rawatan bagi mereka yang mengalami masalah tertentu pada kelopak mata. Daripada perspektif fiqah, hukum dua kategori tersebut adalah berbeza sebagaimana berikut.

i- Pembedahan Blepharoplasty Untuk Kosmetik

Sekiranya pembedahan blepharoplasty dilakukan untuk tujuan mengubah penampilan muka supaya kelihatan lebih muda atau menutup tanda-tanda penuaan seperti kedut-kedut di bahagian kelopak mata dan seumpamanya, maka pembedahan seperti ini termasuk dalam perbuatan mengubah ciptaan Allah yang diharamkan oleh syarak.

Nabi S.A.W. bersabda:

لَعَنَ اللَّهُ الْوَأْسِمَاتِ وَالْمُسْتُوشِمَاتِ، وَالْمَتَمِّصَاتِ، وَالْمَتَقَلِّبَاتِ لِلْخُسْنِ، الْمُفَيِّرَاتِ خَلَقَ اللَّهُ تَعَالَى

Maksudnya: "Allah melaknati wanita-wanita yang membuat tatu, yang meminta dibuat tatu, yang meminta dicukur kening, yang membuat penjarangan gigi untuk kecantikan yang mengubah ciptaan Allah Taala". (Hadis riwayat Bukhari, 7/164, no: 5931; Muslim, 3/1678, no: 2125).

Dalam hadis di atas, dua elemen yang menyebabkan pelakunya mendapat laknat Allah ialah mengubah ciptaan Allah berserta dengan tujuan untuk kecantikan. Dan kedua-dua elemen ini wujud dalam pembedahan blepharoplasty untuk tujuan kosmetik.

ii- Pembedahan Blepharoplasty Untuk Rawatan Kesihatan

Sekiranya pembedahan blepharoplasty dilakukan kerana keperluan dari sudut perubatan, contohnya bagi orang tua yang menghadapi masalah kelopak mata longgar sehingga menutup penglihatan mata, ataupun masalah-masalah kesihatan lain pada kelopak mata yang dapat diatasi melalui pembedahan blepharoplasty, maka ia harus dilakukan.

Imam Nawawi ketika mengulas tentang pengharaman melakukan penjarangan gigi menyebut, "...yang diharamkan ialah yang dilakukan untuk tujuan kecantikan. Manakala orang berhajat kepada prosedur tersebut untuk tujuan rawatan atau kecacatan pada gigi atau seumpamanya, maka tidak mengapa". (Syarah Sahih Muslim 14/107).

Justeru, pembedahan blepharoplasty bagi mereka yang mengalami masalah kesihatan yang memerlukan pembedahan dilakukan pada kelopak mata, adalah termasuk dalam kategori pembedahan yang diharuskan.

Wallah A'lam.



ISU: Apakah hukum jual beli sekiranya saya menjual barangan bukan milik saya dengan menjadi agen atau reseller secara online. Adakah ini haram? Cara yang saya lakukan ialah mempromosikan produk melalui gambar dan sesiapa yang berminat akan memasukkan duit kepada saya. Kemudian saya akan memasukkan duit kepada pengeluar. Dan pengeluar akan menghantar terus produk kepada orang yang memesan produk itu.

PENJELASAN: Antara bentuk perniagaan dalam talian (online) yang diminati pada hari ini ialah dengan cara menjadi reseller bagi sesetengah produk. Modus operasinya ialah reseller mempromosikan secara online produk daripada pembekal atau pengeluar melalui gambar dan perincian berserta harga. Pelanggan yang berminat dan bersetuju untuk membeli akan membayar harga yang dipersetujui kepada reseller dengan cara memindahkan wang ke dalam akaun reseller. Reseller seterusnya membuat pesanan kepada pembekal/pengeluar dan membuat pembayaran. Pembekal/pengeluar membuat penghantaran terus produk yang kepada pelanggan. Keuntungan reseller ialah perbezaan harga antara harga jualannya kepada pelanggan dan harga belianya daripada pembekal/pengeluar.

Melihat kepada modus operandi urus niaga di atas, prinsip fiqah yang perlu diambil perhatian ialah syarak melarang seseorang daripada menjual suatu barangan yang belum dimilikinya. Larangan ini dinaskan dalam hadis Hakim bin Hizam yang bertanya kepada Rasulullah SAW, "Wahai Rasulullah, seorang lelaki datang kepada aku dan mahu membeli sesuatu daripada aku, sedangkan aku belum dimilikinya. Adakah boleh aku membelinya untuknya dari pasar?" Baginda menjawab:

لَا تَبِيعَ مَا لَيْسَ عِنْدَكَ

Maksudnya: "Jangan kamu menjual suatu yang kamu tidak miliki". (Riwayat Abu Daud, 3/283, no: 3503; Tirmizi, 3/526, no: 1232; Nasaie, 7/289, no: 4613; Ibn Majah, 2/737, no: 2187).

Justeru, dalam isu reseller menjual produk kepada pelanggan sebelum reseller membelinya daripada pembekal/pengeluar, sekiranya produk yang dijual adalah produk yang spesifik dan ditentukan unitnya, maka urus niaga tersebut adalah tidak sah kerana wujud unsur menjual sesuatu yang tidak dimilikinya. Sebagai contoh, jika produk tersebut ialah sebuah telefon bimbit yang telah ditentukan unitnya dan nombor sirinya.

Manakala jika produk yang dijual adalah dalam bentuk spesifikasi tertentu tanpa ditentukan unit manakala ia, maka di sana terdapat kelonggaran untuk reseller menjualnya kepada pelanggan walaupun reseller belum membelinya daripada pembekal/pengeluar. Ini berasaskan kepada keharusan melakukan urus niaga salam.

Secara ringkas, jual beli salam ialah jual beli secara tempahan di mana pembeli membuat bayaran penuh untuk mendapatkan barangan yang dinyatakan spesifikasinya dan akan diserahkan kemudian. Menurut Standard Accounting and Auditing Organisation for Islamic Financial Institutions (AAOIFI), antara barangan yang boleh dibeli melalui akad salam termasuklah produk-produk pembuatan yang boleh ditentukan spesifikasi secara jelas, tidak ada perbezaan ketara antara unit-unitnya, dan boleh didapati di pasaran. (Shari'a Standards, m/s 166).

Dalam hal ini, pelanggan dikira menjalankan pembelian secara salam daripada reseller, dengan membuat pembayaran penuh untuk membeli produk yang ditetapkan spesifikasinya, yang akan

diserahkan pada masa hadapan. Reseller kemudiannya membeli produk yang menepati spesifikasi tersebut daripada pembekal/pengeluar dan dia boleh meletakkan syarat kepada pembekal/pengeluar supaya produk tersebut dihantar terus kepada pelanggan pertama tadi.

Dengan penyesuaian fiqah seperti ini, urusan niaga tersebut adalah sah dengan syarat hendaklah menepati hukum-hukum jual beli salam.

Selain penyesuaian fiqah tersebut, ada beberapa lagi bentuk penyesuaian fiqah yang mungkin boleh menjadi solusi kepada isu urusan niaga mereka yang menjadi reseller secara online, seperti menggunakan prinsip seperti wakalah atau ju'alah.

Wallahu A'lam.



Fatwa Malaysia

October 25, 2013

FATWA TERKINI: Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-104 yang bersidang pada 2-4 September 2013 telah membincangkan **Status Hasil Caj Abstraksi Sumber Air Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)** Daripada Syarikat Yang Menjalankan Aktiviti Operasi Harian Tidak Halal. Muzakarah telah membuat keputusan seperti berikut:

Setelah meneliti keterangan, hujah-hujah dan pandangan-pandangan yang dikemukakan, Muzakarah menegaskan Imam al-Ghazali berpandangan bahawa harta bercampur yang tidak terkira tidaklah dihukum haram dengan sebab percampuran dan kemungkinan-kemungkinan yang wujud antara halal dan haram tersebut, melainkan ada qarinah (tanda-tanda) yang jelas menunjukkan pengharamannya. Nabi SAW juga pernah menerima hadiah dari kerajaan negara asing yang bukan Islam tanpa mempersoalkan sumbernya. Begitulah juga para sahabat r.a. telah mengambil jizyah, ushur dan cukai-cukai lain daripada orang-orang kafir yang wajib dibayar kepada kerajaan Islam tanpa mempersoalkan sumbernya.

Oleh yang demikian, Muzakarah berpandangan bahawa tidak menjadi kesalahan kepada pihak kerajaan atau syarikat yang dilantik kerajaan untuk menerima atau mengenakan caj/cukai kepada sesebuah syarikat perniagaan, sekalipun wujud kemungkinan sumber yang tidak halal kerana pembayaran cukai adalah satu tanggungjawab kepada Kerajaan untuk masalah ummah. Sekiranya wujud aktiviti yang haram, maka sifat haram tersebut hanyalah pada zimmah pemilik syarikat tersebut bukan kepada orang yang berurusan dengannya sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah an-Najm, ayat 39 yang bermaksud: "Dan bahawa sesungguhnya tidak ada (balasan) bagi seseorang melainkan (balasan) apa yang diusahakannya."

Sehubungan itu, mengenai status caj abstraksi sumber air yang dikenakan oleh Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) kepada syarikat yang menjalankan aktiviti operasi harian tidak halal, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa ianya adalah diharuskan kerana selaku pihak yang dilantik oleh pemerintah (Ulil Amri), LUAS bertanggungjawab mengurus dan memberikan perkhidmatan air untuk masalah ammah seluruh masyarakat.



FATWA TERKINI: Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-104 yang bersidang pada 2-4 September 2013 telah membincangkan **Hukum Pemakaian Pakaian Tentera Yang Mempunyai Kalimah 'Allah' Dan 'Muhammad' Terhadap Mayat Bukan Islam Dalam Upacara Pengkebumian.** Muzakarah telah membuat keputusan seperti berikut:

Setelah meneliti keterangan, hujah-hujah dan pandangan-pandangan yang dikemukakan, Muzakarah menegaskan bahawa Lafdz Al-Jalalah (Allah) dan Muhammad (Nabi Muhammad SAW) adalah merupakan kalimah yang wajib dipelihara kehormatannya daripada sebarang perkara yang boleh mencemarkannya seperti memakai/membawa kalimah-kalimah tersebut ke upacara ibadat orang bukan Islam atau pun ke tempat-tempat yang boleh menyebabkan terkena najis.

Muzakarah juga menegaskan bahawa para ulama' berpandangan bahawa adalah haram menulis sesuatu daripada ayat al-Quran atau nama yang diagungkan pada sesuatu objek yang berkaitan dengan mayat kerana ia akan terkena najis nanah yang bercampur darah.

Sehubungan itu bagi menjaga kehormatan kedua-dua kalimah tersebut, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa penggunaan pakaian tentera atau sebagainya yang mempunyai kalimah Allah dan Muhammad samada dalam tulisan rumi atau jawi pada mayat orang Islam atau bukan Islam adalah dilarang.



Fatwa Malaysia
October 25, 2013

QUESTION: Are Muslims Allowed To Celebrate Halloween Seeing It Bears No Religious Significance?

ANSWER: Halloween is a western Christian celebration observed yearly on the October 31st. It is dedicated to remembering the dead including saints (hallows), martyrs, and all the faithful departed believers. It is a feast which was originally influenced by the pagan, especially Celtic harvest festival.

Halloween is commonly celebrated with activities such as costume parties, lighting bonfires, visiting haunted attractions, playing pranks, telling scary movies.

It is therefore not in line with Islamic teaching and must not be celebrated by Muslims. Islam enjoins celebration of the death through prayers and recitation of the Qur'an.



ISU:

- 1. Apakah hukum seorang muslim yang bekerja dengan sebuah kedai runcit yang turut menjual arak?**
- 2. Apakah hukum seorang muslim yang menjual arak kepada orang yang bukan muslim, kerana itu termasuk bidang tugasnya di kedai tersebut?**
- 3. Apakah hukum muslim tersebut jika dia tidak menjual arak kepada sesiapa juga, tetapi hanya menjual barang-barang lain? Penjualan arak diserahkan kepada orang yang bukan muslim.**

PENJELASAN: Seorang Muslim tidak dibenarkan untuk bekerja dalam sektor yang melibatkan dirinya dalam hal-hal berkaitan dengan arak, seperti penjualan arak, pemprosesan arak, pengangkutan arak, penyimpanan arak dan seumpamanya. Larangan ini dinyatakan oleh Nabi S.A.W. dalam sebuah hadis:

لَعَنَ اللَّهُ الْخَمْرَ، وَشَارِبِيهَا، وَسَافِرِيهَا، وَبَائِعِيهَا، وَمُبْتَاعِيهَا، وَعَاصِرِيهَا، وَمُعْتَصِرِيهَا، وَحَامِلِيهَا، وَالْمَحْمُولَةَ إِلَيْهِ
Maksudnya: "Allah melaknat arak, peminumnya, pemberi minumannya, penjualnya, pembelinya, tukang perahnya, orang yang meminta diperahnya, pembawanya, dan orang yang meminta dibawakan kepadanya". (Abu Daud, 3/326, no: 3674).

Pengharaman menjual arak adalah diharamkan tanpa mengira sama ada yang membelinya adalah orang Islam ataupun bukan Islam.

Justeru sekiranya pekerjaan di sesebuah kedai menuntut seseorang pekerja terlibat secara langsung dengan arak, seperti menjadi juruwang yang menjual arak, maka seseorang Muslim tidak harus bekerja di tempat tersebut.

Tetapi sekiranya pekerjaannya tidak berkait dengan arak, seperti menjadi juruwang di kaunter halal yang tidak menjual arak, maka bekerja di situ adalah diharuskan, kerana dia tidak dikira terlibat dalam penjualan arak.

Wallahu A'lam.



Fatwa Malaysia

October 22, 2013

ISU: Kedudukan Anjing Dalam Islam Serta Hukum Berkaitannya.

PENJELASAN: Sejak kebelakangan ini, perbuatan tidak bertanggungjawab sesetengah pihak didapati semakin tegar menghina kesucian dan keluhuran agama Islam.....

http://www.e-fatwa.gov.my/sites/default/files/kedudukan_anjing_dan_hukum_berkaitannya.pdf



Fatwa Malaysia

October 21, 2013 via mobile

ISU: Solat Jamak dan Qasar Bagi Seorang Pelaut/Pelayar yang berulang alik dari Malaysia ke Jepun, Korea, Taiwan dan China setiap dua minggu selama enam bulan. Adakah boleh melakukan jamak dan qasar setiap masa sepanjang tempoh enam bulan tersebut?

PENJELASAN: Sepanjang tempoh perjalanan di atas kapal, seseorang boleh melakukan solat secara jamak dan qasar.

Manakala apabila sampai ke destinasi seperti di Jepun, Korea, atau China, maka hukum jamak dan qasar adalah tertakluk kepada status seseorang itu samada dikira bermukim atau bermusafir.

Menurut Mazhab Syafie, sekiranya seseorang berniat untuk menetap di satu-satu tempat selama empat hari empat malam, maka dia dikira bermukim di tempat tersebut, dan terhentilah segala hukum-hakam musafir. Dengan itu, dia tidak lagi boleh mengambil rukhsah jamak dan qasar solat.

Dalam kes di mana sekiranya tempoh berada di pelabuhan adalah dua minggu, maka ia sudah dikira melebihi tempoh musafir dan seseorang itu tidak lagi berhak mengambil rukhsah jamak dan qasar menurut mazhab Syafie. Tetapi sekiranya tempoh perhentian di sana adalah kurang daripada empat hari empat malam, dia masih boleh mengambil rukhsah untuk melakukan jamak dan qasar.

Wallahu A'lam.



Fatwa Malaysia

October 20, 2013 via mobile

QUESTIONS: 1) How is *douleia*, *hyperdouleia* and *latreia* defined as a tool to preserve the true understanding of monotheism as opposed to idolatry?

2) Infallibility of God's holy apostles and prophets is not mentioned in the Scriptures but it is taught and received per curiam. How does one explain the lapses of Adam, Moses, Jonah, Joseph, David and all other emissaries of God according to the traditional hermeneutics? What are the organs of infallibility besides these men?

3) How is monotheism defined in Islam and its correlation with the Nicene Creed? Biblical passages teach that God is ONE in three hypostasis - without subscribing to polytheism or accepting the divinity of others besides the One and Only God as mirrored in the most famous pericope of the first epistle of John 5:7-8. How is it reconciled?

4) Does Sunni Islam allow the concept of *metousiosis* when it comes to God?

5) The economy of divinity in Islam is of Abrahamic origin, to what extent does the dogma *apophemi* and *kataphemi* play a part in shaping the concept of God's seemingly anthropomorphic attributes? How does one explain this within Abrahamic creed?

ANSWER: Perhaps the questions on *douleia*, *hyperdouleia* and *latreia* is very much Christian centered.

In Islam, to preserve the true understanding of God's unity (*tawhid*), veneration and adoration meant to God is distinguished from the veneration of the creation irrespective of their position. For example, the veneration to God which is called *tahmid*, *takbir* and *tahlil* are meant strictly to God while veneration to the prophets and his family which is called *salawat* & *salam* are specified to the Prophets and their family.

Since the Prophets are not part of divinity, the distinction between veneration to them is clearly distinguished from the veneration to God. The mixture of the two will lead more to idolatry rather than to monotheism.

In Islam, infallibility of the Prophets are implied through various verses such as *All 'Imran:33*, *161*, *Maryam:41*, *al-Tur:48*, *Maryam:58*. The lapses of the Prophets are explained as follows:

a) that the mistake is at the higher level which is prophetic level which is different from the common people;

b) the mistakes do not affect their prophethood and infallibility. In Islam monotheism is defined as God is alone and He is pure from any kind of multiplicity either in terms of the essence, the attribute and his action. The Nicene Creed is from the perspective of Islam is problematic since although it affirms oneness of God, it also maintains the three hypostasis.

Metousiosis, if it means transubstantiation, is not allowed in Islam since it will imply polytheism and indicate the weaknesses of God.



ISU: Apakah Aktiviti Nabi Muhammad S.A.W selepas Asar dan Asal-usul permainan bola sepak, adakah ia wujud semasa zaman Nabi S.A.W? Benarkah asal usulnya daripada permainan yang dicipta pada zaman kejatuhan Islam di mana kepala-kepala orang Islam dipancing lalu disepak-sepak oleh orang kafir, sehingga menjadikannya suatu permainan?

PENJELASAN: Adalah suatu yang sukar untuk menyenaraikan aktiviti Nabi S.A.W. pada waktu petang atau selepas waktu Asar. Tetapi di sana terdapat beberapa amalan khas untuk waktu tersebut, seperti sesetengah zikir dan doa yang digalakkan dibaca pada waktu petang selepas Asar. Selain itu terdapat juga larangan-larangan khas selepas Asar, seperti larangan bersembahyang sunat selepas Asar, dan larangan mengubumikan jenazah selepas Asar. Nabi S.A.W. semasa hayatnya melakukan riadah dan menganjurkan riadah kepada sahabat-sahabat baginda.

Antara kisah yang boleh dijadikan sandaran terhadap galakan riadah ialah:

LUMBA KUDA: Nabi S.A.W. pernah diriwayatkan berlumba kuda, sebagaimana diriwayatkan oleh Al-Bukhari dalam kitab Sahihnya. (1/91, no: 420).

LUMBA LARI: Tersebut dalam suatu hadis bahawa Nabi S.A.W pernah berlumba lari dengan isterinya Aisyah r.a. (Sunan Abi Daud, 3/29, no: 2578).

GUSTI (Musora'ah): Kisah perlawanan gusti antara Nabi S.A.W dengan Rukanah bin Abd Yazid sebagaimana diriwayatkan oleh Abu Daud dalam Sunannya. (4/55, no: 4078). Walau bagaimanapun kesahihan kisah ini dipertikaikan oleh ramai ulama hadis.

BERENANG: Terdapat hadis menyebut, "Setiap sesuatu yang bukan daripada zikir kepada Allah adalah kelalaian atau kealpaan, kecuali empat perkara; berjalan kaki antara dua tanda, melatih kuda, bersukaria dengan isteri, dan melatih berenang". (Riwayat Al-Tabarani dalam Al-Mu'jam al-Kabir, 2/193, no: 1785).

Permainan bola sepak sebagaimana yang ada pada hari ini belum wujud pada zaman Nabi S.A.W. Berkenaan dengan asal-usul permainan tersebut sebagaimana yang nyatakan, kami tidak menemui bukti-bukti sahih berkenaan dengannya.



ISU: Terdapat satu artikel tentang perkahwinan Nabi Adam dan Hawa yang menyebutkan bahawa maharnya ialah tiga kali selawat ke atas Rasulullah S.A.W. Mengapa selawat ke atas Rasulullah S.A.W. sedangkan pada waktu itu Nabi Muhammad S.A.W. belum lagi lahir. Perkara ini dikaitkan dengan kejadian Nur Muhammad sebelum terciptanya Nabi Adam yang menyebut bahawa roh kekasih Allah sudah ada di Luh Mahfuz sebelum terciptanya Nabi Adam.

PENJELASAN: Tersebut di dalam sesetengah kitab bahawa ketika Nabi Adam a.s. berkahwin dengan Hawa, mahar perkahwinan yang diminta oleh Allah Taala ialah Nabi Adam hendaklah berselawat ke atas Nabi Muhammad S.A.W. Terdapat banyak versi tentang bilangan selawat yang dijadikan mahar. Ada riwayat menyebut sebanyak 10 kali, ada riwayat menyebut 100 kali dengan satu nafas, ada riwayat menyebut 1000 kali dengan satu nafas, dan lain-lain. (I'ānah al-Tolibin, 3/396; Bariqah Mahmudiyah, 1/59).

Namun riwayat-riwayat berkenaan dengan mahar perkahwinan mereka tidak didapati di dalam kitab-kitab hadis yang muktabar. Justeru, status kesahihan kisah tersebut tidak dapat dipastikan, dan perkhabaran berkenaan dengannya tidak boleh dipercayai sehingga dibuktikan melalui periwayatan.



ISU: Benarkah Riwayat Yang Mengatakan Bahawa Tsa'labah Enggan Membayar Zakat?

PENJELASAN: Kisah Tsa'labah yang dikatakan enggan mengeluarkan zakat adalah satu kisah masyhur yang disebut oleh sebahagian ahli tafsir dalam menafsirkan ayat berikut:

وَمِنْهُمْ مَن عَاهَدَ اللَّهُ لَئِن آتَانَا مِن فَضْلِهِ لَنَصَّدَّقَ وَكُنْتُمْ مِنَ الصَّالِحِينَ

Maksudnya: "Dan di antara mereka ada yang membuat janji dengan Allah dengan berkata: Sesungguhnya jika Allah memberi kepada kami dari limpah kurniaNya, tentulah kami akan bersedekah dan tentulah kami akan menjadi dari orang-orang yang soleh". (Al-Tawbah: ayat 75).

Antara yang meriwayatkan kisah ini ialah Al-Tabarani dalam Al-Mu'jam al-Kabir (8/218 Hadis No: 7873).

Namun sekalipun kisah ini agak masyhur, tetapi sebenarnya ia adalah kisah yang tidak sahih dan tidak layak dinisbahkan kepada Tsa'labah r.a. yang merupakan seorang sahabat Nabi S.A.W.

Al-Iraqi mengatakan, "Diriwayatkan oleh Al-Tabarani dengan sanad yang dhaif". (Takhrij Ahadith al-Ihya', m/s 1179).

Al-Qurtubi mengatakan, "Tsa'labah adalah seorang Badri (orang yang menyertai peperangan Badar), seorang Ansari, dan dari kalangan mereka yang disaksikan keimanan mereka oleh Allah dan Rasulullah sebagaimana yang akan diterangkan dalam permulaan surah al-Mumtahinah. Apa yang diriwayatkan mengenainya (tentang keengganan mengeluarkan zakat) adalah tidak sahih". (Tafsir al-Qurtubi, 8/210).

Dari sudut kandungan kisah itu juga dipertikaikan, di mana menurut riwayat tersebut, apabila Tsa'labah ingin bertaubat dan ingin mengeluarkan zakat, Nabi S.A.W tidak menerima zakat tersebut. Begitu juga pada zaman pemerintahan Abu Bakr r.a., Umar r.a. dan Uthman r.a., mereka tidak menerima zakat yang hendak dikeluarkan oleh Tsa'labah.

Kisah ini tidak selayaknya dinisbahkan kepada Nabi S.A.W. dan khalifah-khalifah selepas baginda dan tidak mungkin ia berlaku. Kerana ia menyalahi prinsip-prinsip Islam dan nas-nas al-Quran yang menerima taubat mereka yang bertaubat, sebagaimana firman Allah:

فَإِن تَابُوا وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَآتَوُا الزَّكَاةَ فَخَلُّوا سَبِيلَهُمْ

Maksudnya: "Kemudian jika mereka bertaubat (dari kekufurannya) dan mendirikan sembahyang serta memberi zakat, maka biarkanlah mereka (jangan diganggu). Sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani". (Al-Tawbah: ayat 5).

وَالَّذِينَ إِذَا فَعَلُوا فَاجِسَةً أَوْ ظَلَمُوا أَنفُسَهُمْ ذَكَرُوا اللَّهَ فَاسْتَغْفَرُوا لِذُنُوبِهِمْ وَمَن يَغْفِرِ اللَّهُ فَمَا لَهُ مِن شَيْءٍ إِلاَّ أَن يَصِرُوا عَلَىٰ مَآ قَعَلُوا وَهُمْ يَعْلَمُونَ

Maksudnya: Dan juga orang-orang yang apabila melakukan perbuatan keji atau menganiaya diri sendiri, mereka segera ingat kepada Allah lalu memohon ampun akan dosa mereka dan

sememangnya tidak ada yang mengampunkan dosa-dosa melainkan Allah dan mereka juga tidak meneruskan perbuatan keji yang mereka telah lakukan itu, sedangkan mereka mengetahui (akan salahnya dan akibatnya). (Ali Imran: ayat 135).

Kesimpulannya, kisah Tsa'labah yang tidak membayar zakat adalah kisah yang tidak sahih dari sudut sanadnya dan dari sudut kandungan ceritanya.

Wallahu A'lam.



Fatwa Malaysia

October 22, 2013

ISU: Adakah ethyl alcohol @ ethanol dari fermentation of sugar cane@tebu halal untuk digunakan sebagai bahan sanitasi?

PENJELASAN: Ethanol atau etil alkohol (ethyl alcohol) adalah sejenis alkohol yang biasa digunakan di dalam pembuatan minuman keras (arak). Selain untuk tujuan tersebut, ia juga digunakan sebagai bahan api, bahan pembersihan (sanitasi) dan lain-lain.

Dalam menjawab isu yang dikemukakan, keputusan Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang membincangkan isu alkohol dalam makanan, minuman, pewangi dan ubat-ubatan pada 14 hingga 16 Julai 2011 adalah dirujuk. Muzakarah memutuskan:

"...bukan semua alkohol itu adalah arak. Alkohol yang diperolehi dari proses pembuatan arak, hukumnya haram dan najis. Manakala alkohol yang diperolehi bukan melalui proses pembuatan arak hukumnya tidak najis".

Justeru, jika sekiranya ethanol/alkohol etil adalah terhasil daripada proses pembuatan arak iaitu melalui proses penapalan, maka ia termasuk dalam alkohol yang mengambil hukum-hakam arak iaitu ia adalah najis, dan tidak boleh digunakan untuk proses sanitasi. Tetapi jika sekiranya penghasilan ethanol/alkohol etil tersebut bukannya melalui proses pembuatan arak, maka ia tidak dihukum sebagai najis dan boleh digunakan untuk sanitasi.

Wallahu A'lam.

